

03/02/2003

Kepentingan awam perlu diutamakan: Samsudin

PUTRAJAYA: Perkhidmatan awam bukan tempat untuk mengaut kekayaan, sebaliknya tanggungjawab bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Beliau berkata, kakitangan juga sudah memberi jaminan untuk mengutamakan kepentingan awam dan bukan kepentingan diri apabila menandatangani aku janji.

"Ini menyentuh tentang nilai. Hanya kita dapat menilai kejujuran, amanah yang ada pada kita," katanya dalam perutusan Tahun Baru 2003 kepada kakitangan awam yang dikeluarkan 17 Januari lalu dan disiarkan di laman web Buletin Malaysia.

Beliau berkata, walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyatakan gejala rasuah masih pada tahap minimum, perkara itu tidak harus dibiarkan sehingga menjadi satu budaya.

"Mereka yang melakukan rasuah tahu mereka melakukan rasuah dan ia satu kesalahan. Kita tidak ingin lihat di negara kita keadaan yang wujud di sesetengah negara lain di mana rasuah menjadi perkara yang biasa dan budaya.

"Kakitangan awam perlu mementingkan kepentingan awam dan bukan kepentingan diri," katanya.

Baru-baru ini, ruangan Skop akhbar ini memaparkan pelbagai isu berkaitan kualiti perkhidmatan awam, terutama dakwaan rasuah selain ketidakcekapan penjawat awam dalam melaksanakan tugas.

Kegagalan penjawat awam melaksanakan tugas terutama dalam urusan membabitkan orang awam sering mendapat kritikan dan disiarkan akhbar.

Samsudin turut menyarankan kakitangan awam supaya menggunakan Laporan Biro Pengaduan Awam, rencana dan surat pembaca di akhbar dan media massa sebagai maklum balas berguna untuk melihat kelemahan dan mencari jalan mengatasinya.

"Kita baca dalam media massa mengenai kelemahan di peringkat tertentu yang perlu ditangani segera. Saya berharap kita ambil aduan, teguran dan surat kepada pengarang yang disiarkan sebagai maklum balas yang amat berguna untuk mengatasi kelemahan yang ada.

"Saya juga berharap soal mengurus, mengendali dan menangani segala aduan dapat diperkembangkan," katanya.

Beliau berkata, ini kerana tahun ini, kakitangan awam akan berhadapan cabaran lebih besar, terutama dengan harapan dan kehendak pelanggan serta pemimpin kerajaan yang semakin tinggi.

"Mereka mengharapkan perkhidmatan awam yang sebaik mungkin, cekap dan berkesan," katanya.

Beliau berkata, walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kualiti, usaha peningkatan perlu dibuat

secara berterusan.

Samsuddin juga berkata, kakitangan awam juga bertanggungjawab memastikan daya saing negara ditingkatkan berikutan persaingan hebat ekonomi global serta penggantungan negara terhadap import dan eksport.

"Kelewatan dan tindak-tanduk yang bersalahan dengan peraturan atau ketidakcekapan kita atau penyelewengan yang dilakukan akan menjejaskan tahap persaingan negara," katanya.

Samsudin memberi contoh mereka yang bertugas di pejabat Kerajaan Tempatan atau Pejabat Daerah yang bertanggungjawab meluluskan permohonan tanah dan lesen.

"Kalau kita melewatkan urusan ini, pelabur akan mencari tempat lain untuk melabur dan kita akan kerugian. Ini kerana kelewatan akan menyebabkan mereka menanggung kos tinggi dan mereka tidak dapat bersaing.

"Akibatnya negara kita tidak akan mencapai kemajuan dan bersaing yang seperti kita harapkan," katanya.

Beliau juga berharap pemimpin organisasi, ketua setiausaha, ketua jabatan dan pemimpin di peringkat timbalan dan setiausaha bahagian memberikan bimbingan sewajarnya kepada organisasi masing-masing.

"Tanpa kepimpinan yang jitu dan baik, kita tidak akan dapat membuat perubahan dan meningkatkan prestasi.

"Kita perlu memberi tunjuk arah, teladan dan perlu merencanakan semuanya untuk organisasi kita," katanya.